



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BUKU BACAAN SIRI 1

Bilik Darjah



PROGRAM PEMULIHAN KHAS
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2014

BUKU
8

Bilik Darjah



PROGRAM PEMULIHAN KHAS
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2014



KATA-KATA ALUAN



PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Transformasi.

Saya dengan rasa penuh sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Unit Pemulihan Khas, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah berjaya menghasilkan Buku Bacaan Siri 1.

Saya amat yakin kejayaan menghasilkan buku bacaan ini adalah gabungan pengalaman, kerjasama serta penghayatan agenda Bersama Melonjakkan Prestasi Pendidikan menerusi pemikiran dalam dimensi baharu dalam kalangan Guru Pemulihan Khas .

Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi perhatian kepada kecemerlangan akademik terutama penguasaan kemahiran asas Membaca, Menulis dan Mengira (3M). Pelbagai alternatif strategik dibina bagi memastikan semua murid khususnya tahap satu sekolah rendah boleh membaca dengan lancar.

Bagi menjayakan cita-cita semua murid tahap satu boleh membaca dengan lancar dalam tempoh masa yang lebih singkat maka semua Guru Pemulihan Khas diminta memastikan semua murid Program Pemulihan Khas memanfaatkan sepenuhnya buku ini. Keprihatinan ibu bapa atau penjaga juga amat diperlukan dalam memastikan cita-cita murni Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu ‘Semua Murid Tahap Satu Boleh Membaca dengan Lancar’ dapat dicapai dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

‘KECEMERLANGAN INSAN ISTIMEWA KEGEMILANGAN BERSAMA’

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Shazali' followed by a surname.

SHAZALI BIN AHMAD

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENGENALAN



Ketidakupayaan membaca merupakan kelemahan murid pemulihan khas. Salah satu usaha bagi mengatasi masalah ini ialah dengan menyediakan bahan bacaan secara berperingkat yang bersesuaian dengan tahap murid pemulihan khas. Diharap dengan penggunaan bahan bacaan ini dapat meningkatkan keupayaan murid dalam kemahiran membaca khususnya murid-murid Pemulihan Khas secara terancang mengikut kaedah pengajaran bacaan Bahasa Melayu. Ia dimulakan dengan gambar dan perkataan berdasarkan pengalaman murid. Perkataan-perkataan baharu yang diperkenalkan berkonsep bunyi-bunyi suku kata. Setiap perkataan diwarnakan berdasarkan bunyi suku kata untuk memudahkan bacaan selain dapat menarik minat murid .

Isi kandungan buku ini berasaskan kepada beberapa tema yang dipilih mengikut kesesuaian .

Siri 1

- Mengandungi 10 siri buku yang berlainan tajuk.
- Memuatkan kemahiran 5 – 15.
- Sukukata berwarna.
- Kepelbagaiannya adalah sebagai motivasi dan keyakinan diri murid untuk membaca sendiri .

Siri 2

- Mengandungi 10 siri buku.
- Bermula kemahiran 16- 32.
- Suku kata tidak berwarna.

Semoga buku ini akan menjadi bahan bacaan mudah tetapi berkesan dalam membantu murid-murid belajar membaca dan memahami apa yang dibaca. Buku ini juga diharap dapat menarik dan menggalakkan murid-murid pemulihan untuk membaca.



Ini kelas.

Ini kelas Sani.

Ini kelas Sara.


Ini kelas Sani dan Sara.



Kelas mereka bersih.

Kelas mereka cantik.

Kelas mereka bersih dan cantik.



**Nama kelas mereka Seri Budi.
Mereka suka belajar di kelas ini.
Nama guru kelas mereka Cikgu Halim.**



Mereka kemaskan bilik darjah.
Meja guru dan murid ada habuk.
Murid lelaki susun meja dan kerusi.
Sara dan Lina susun buku di dalam
rak.




**Ini meja Sara dan Sani.
Meja mereka baharu.
Meja mereka meja kayu.
Meja mereka warna coklat.**




**Ini meja guru.
Meja guru lebih besar.
Meja guru ada tiga laci.
Guru simpan kapur dalam laci itu.**



Ini papan tulis.
Papan tulis ini warna putih.
Cikgu menulis di papan tulis.
Cikgu melukis di papan tulis.



**Ini bakul sampah.
Bakul sampah tepi pintu.
Dalam bakul ada sampah.
Bakul sampah ini warna hitam.**



Ini rak buku.


Dalam rak buku ada buku cerita.

Mereka suka baca buku cerita.

**Mereka baca buku cerita pada
waktu rehat.**



**Depan pintu ada alas kaki.
Mereka kesat kaki sebelum masuk .
Mereka kesat kaki supaya bersih.
Guru puji kelas mereka bersih.**



Di **tepi kelas** ada **rak kasut**.
Mereka letak **kasut** di **rak kasut**.
Kasut mereka tersusun rapi.
Guru mereka rasa suka hati.

Perbendaharaan kata:

meja

kayu

laci

rapi

alas

rak

baharu

kesat

sampah

coklat

tersusun

simpan

Jawab soalan di bawah.

1. Ini kelas siapa ?

2. Meja guru ada berapa laci ?

3. Di manakah letaknya alas kaki?

4. Di manakah mereka susun kasut ?

5. Siapakah yang menyusun meja dan kerusi ?

Bahagian Pendidikan Khas,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 2, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 PUTRAJAYA